

# HARI KELUARGA BAFIN DI PULAU MANUKAN

Kelab Kewangan & Perbankan (BAFIN) telah mengadakan Hari Keluarga mereka bertempat di Pulau Sapi, Taman Laut Tunku Abdul Rahman. Dengan tema 'Satu Keluarga Seribu Cahaya', program tersebut telah berjaya menghimpunkan seluruh pelajar tahun 1, 2 & 3 sekitar 120 orang pelajar. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Program, Puan Zaiton Osman, para pensyarah serta ahli keluarga mereka. Sukan keluarga atau sukaneka turut diadakan bagi memeriahkan Hari Keluarga tersebut. Menurut Pengarah Program, Amir Hakim, sambutan hari keluarga agak berbeza kerana ia diadakan di pulau dan ini merupakan satu pembaharuan bagi menyediakan persekitaran yang berbeza dari tempat-tempat sebelumnya.

